

Artifak-artifak Melayu

Muzium Filateli: Bilik Warisan, Tingkat 2



Pada masa dahulu, terdapat banyak gerai yang dikendalikan oleh penjaja di sepanjang jalan. Sate merupakan makanan Melayu yang popular. Ia dibuat daripada daging, dicucuk dengan lidi dan dipanggang di atas arang batu. Sate selalunya dihidangkan bersama sos kacang tanah yang pedas, ketupat, timun dan bawang besar. Para penjaja mengangkat gerai mereka dengan mengimbangkannya pada batang buluh di atas bahu. Gerai-gerai kecil ini dibina dengan kreatif untuk memuatkan “dapur” dan kelengkapan memasak.

Pedagang yang Semakin Pupus: Setem Penjual Sate (2006) – Imej ihsan Muzium Filateli Singapura, Lembaga Warisan Negara

Taman Warisan Melayu: Galeri Perintis

Askar Melayu ditubuhkan pada tahun 1933 di bawah arahan pegawai-pegawai Inggeris. Mereka diperingati demi perjuangan mereka dalam Pertempuran Pasir Panjang, semasa pencerobohan Jepun di Singapura pada tahun 1942, yang menunjukkan keberanian dan kesetiaan mereka. Leftenan Adnan Saidi merupakan salah seorang wira perang yang mempertaruhkan nyawanya untuk mempertahankan permatang Pasir Panjang dan riwayatnya dikisahkan di pusat peringatan Bukit Candu. Askar-askar lain yang masih hidup mencari perlindungan di istana kerana kedudukan Sultan dihormati oleh tentera Jepun. Semasa penggalian kaji purba dijalankan pada tahun 2000, senapang berkarat ditemui.




Selaras senapang Mark III yang digunakan oleh Askar Melayu (Sekitar 1942 – 1945, Koleksi Taman Warisan Melayu) – Imej ihsan, Taman Warisan Melayu, Lembaga Warisan Negara

Muzium Tamadun Asia: Galeri Mary dan Philbert Chin Tingkat 2

Batik merupakan teknik untuk menghias kain putih dengan menggunakan lilin lebur atau dengan melakar pada kain. Penggunaan lilin dan pencelup warna yang berulang-ulang menghasilkan corak dan lakaran yang rumit dan teliti. Gaya batik yang unik pada sesuatu rantau telah dihasilkan di beberapa kawasan berbeza di kepulauan Asia Tenggara. Mengikut tradisi di kebanyakan kawasan ini, kain batik dihasilkan untuk jualan tempatan sahaja. Menjelang kurun ke-19, sesetengah pembuat batik, terutamanya di sepanjang pantai utara Jawa, juga menghasilkan kain batik untuk memenuhi citarasa pasaran yang lebih luas dan sekali gus membangunkan perdagangan batik yang giat di rantau tersebut. Kain batik dihasilkan untuk memenuhi citarasa masyarakat Islam di Jawa, Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu.

Sarung atau kain panjang dengan burung abstrak (Jambi, Sumatera Selatan, sekitar tahun 1910) – Imej ihsan, Muzium Tamadun Asia, Lembaga Warisan Negara



Tepak sirih bersama cembul-cembul dan kacip untuk menyiapkan piak sirih – Imej ihsan, Taman Warisan Melayu, Lembaga Warisan Negara

Taman Warisan Melayu: Galeri Kehidupan (Tanah)

Adat makan sirih adalah antara adat yang terpenting dalam budaya Melayu tradisional. Sirih sekapur dihulurkan kepada para tetamu sebagai tanda menyambut kedatangan mereka dan isyarat membuka majlis. Tambahan pula, pelbagai jenis sirih segulung disiapkan dengan ramuan-ramuan berbeza untuk menyampaikan maksud yang tersirat bersesuaian dengan tempat, masa dan hajat.

Budaya makan sirih saling diamalkan, sekurang-kurangnya, selama 2000 tahun di seluruh pelosok Asia Tenggara, benua India,

malah juga sejauh Madagascar. Namun, asal-usul warisan ini tidak diketahui. Sumber-sumber kesusasteraan mendukung teori yang telah lama ditahan bahawa ia berasal dari negara India, namun bukti-bukti linguistik dan arkeologi lebih menunjukkan adat tersebut sebagai warisan yang telah lebih lama wujud atau berkembang secara bebas di Nusantara (pada masa yang berbeza di Thailand, Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Indonesia).

Muzium Negara Singapura: Galeri Sejarah Singapura, Bahagian Temasek



Patung plumbum ini merupakan satu-satunya patung seumpamanya yang ditemui di rantau ini. Ia menyerupai gaya karya seni Jawa pada zaman Majapahit (sekitar Kurun ke-14). Patung plumbum ini mungkin dihasilkan di tempat lain yang kini dikenali sebagai kepulauan Indonesia kerana tiada lagi patung serupa ditemui dan juga ketiadaan plumbum di Singapura. Walaupun kecil, ia merupakan simbol rangkaian perdagangan laut yang menyumbang kepada kebangkitan kerajaan seperti Majapahit yang dipercayai terdiri daripada Temasek.

Patung kuda dan penunggang dalam gaya Majapahit yang juga dikenali sebagai patung 'Penunggang Tanpa Kepala' – Imej ihsan, Muzium Negara Singapura, Lembaga Warisan Negara